

KERAJAAN MALAYSIA

LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN  
BIL. 8 TAHUN 2008**

---

**PEMBERIAN BORANG PERMOHONAN LESEN BARU,  
MEMBAHARUI, PERMOHONAN SEMULA DAN UBAHSYARAT  
SECARA PERCUMA**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN  
SEmenanjung MALAYSIA**

**TARIKH: 24 SEPTEMBER 2008**

Semua Persatuan Kenderaan Perdagangan

**PEMBERIAN BORANG PERMOHONAN LESEN BARU,  
MEMBAHARUI, PERMOHONAN SEMULA DAN UBAHSYARAT  
SECARA PERCUMA**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pengusaha-pengusaha kenderaan perdagangan mengenai pemberian borang permohonan lesen baru, membaharui, permohonan semula dan ubahsyarat secara percuma.

**PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

2. Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pengangkutan Perdagangan) 1959 di bawah Jadual Kelima, Yuran, Tambang dan Kadar memperuntukkan bayaran yuran pembekalan borang permohonan adalah sebanyak RM2.00 bagi setiap borang.
3. Y.B Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa Mesyuarat Penyediaan Bas Tambahan Bagi Musim Perayaan AidilFitri 2008 pada 4 September 2008 telah memutuskan pemberian borang permohonan lesen baru, membaharui, permohonan semula dan ubahsyarat kenderaan perdagangan secara percuma di semua kaunter pejabat Wilayah LPKP berkuatkuasa mulai 4 September 2008.

## **PENUTUP**


4. Pemberian borang secara percuma diharap dapat memberi kemudahan kepada pelanggan untuk berurusan dengan LPKP.

## **TARIKH KUATKUASA**

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 4 September 2008.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KEUSAHAWAN KERJAYA PILIHAN”**

  
**(NAIMAH BINTI RAMLI)**

Pengarah  
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan  
Semenanjung Malaysia,  
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

**24 SEPTEMBER 2008**